

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 30/01/2020
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : Malaysia tuan rumah pertama GYF20

Malaysia tuan rumah pertama GYF20

Tarikh kemaskini: 30/01/2020



PETALING JAYA, 30 Jan -- Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada sebuah program yang diadakan buat julung kalinya, Global Youth Forum Cooperative Entrepreneurship 2020 (GYF20) dari 3 hingga 7 Feb ini di Kuching, Sarawak, anjuran bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan International Cooperative Alliance (ICA).

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata Malaysia dipilih ICA sebagai destinasi pertama program itu dan pihaknya sebagai badan Apeks Koperasi Malaysia yang diiktiraf kerajaan pula telah diberi mandat menganjurkannya secara bersama dengan Kesatuan Eropah (EU).

Beliau berkata 250 orang belia dari 109 buah negara termasuk Malaysia bakal menyertai latihan berkualiti menerusi pelbagai sesi libat urus berbentuk plenari dan bengkel, sumbang saran serta 'peer training' bagi meluaskan rangkaian dan jaringan untuk meneroka peluang pekerjaan baharu dan bidang keusahawanan menerusi model koperasi.

"Sebanyak 10 sesi perbincangan interaktif berstruktur yang relevan dengan isu semasa akan dibincangkan menerusi tajuk-tajuk yang antaranya merangkumi teknologi digital dan media sosial, alam sekitar serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030," katanya pada sidang media berhubung penganjuran program berkenaan di sini hari ini.

Menurutnya 50 orang belia dari Malaysia dipilih untuk menyertai program itu, yang merangkumi pelajar institut pengajian tinggi, persatuan belia, sekolah serta koperasi belia; dan 200 lagi adalah belia dari 108 negara lain.

Abdul Fattah berkata GYF20 itu juga bakal menekankan kepentingan penglibatan golongan belia dalam sektor koperasi yang dapat membawa cetusan idea baharu dan menginovasikan gerakan koperasi dalam mendepani cabaran serta peluang perniagaan baharu menerusi Industri Revolusi 4.0.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebelum ini telah memperkenalkan SDG yang merupakan pelan strategik 15 tahun bagi mencapai masa depan lebih inklusif dan mampan.

Pelan itu antara lainnya menggariskan cabaran global seperti kemiskinan, ketidaksamaan, cuaca, alam sekitar, kemakmuran, keamanan dan keadilan, yang saling berkaitan; dan paling penting tidak menyisihkan sesiapa pun.

-- *BERNAMA*